



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

**Untuk Siaran Segera
27 Ogos 2015**

6.40 SEN SEUNIT UNTUK AGIHAN PENDAPATAN ASW 2020

KUALA LUMPUR : Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.40 sen seunit untuk Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2015.

Kadar pengagihan pendapatan ini membabitkan pembayaran berjumlah RM1.14 bilion, yang akan dapat dimanfaatkan seramai 883,422 pemegang unit yang telah melanggan 17 bilion unit ASW 2020.

Kadar pengagihan pendapatan ASW 2020 ini adalah sangat berpatutan terutama dalam suasana kejatuhan pasaran saham semasa dan jika dibandingkan dengan instrumen-instrumen pelaburan lain yang sesuai dijadikan perbandingan.

Prestasi ASW 2020 sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Ogos, 2015, telah banyak dipengaruhi oleh prestasi pasaran saham domestik dan global yang begitu mencabar terutama sejak akhir-akhir ini.

Sehingga 25 Ogos, 2015, tabung ASW 2020 telah memperolehi pendapatan kasar sebanyak RM1.39 bilion. Daripada jumlah ini, keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM709.04 juta atau 51% kepada pendapatan kasar. Manakala, pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat pula menyumbang sebanyak RM477.06 juta atau 34.3% kepada jumlah pendapatan kasar tersebut dan selebihnya sebanyak RM203.74 juta atau 14.7% diperolehi melalui pendapatan daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek dan lain-lain pendapatan.

Pengiraan pengagihan pendapatan adalah berdasarkan kepada purata baki pegangan minima bulanan bagi tempoh pelaburan sepanjang tahun kewangan ASW 2020.

Pembayaran pengagihan pendapatan tabung ASW 2020 akan dilabur semula dalam bentuk unit secara automatik bagi membolehkan pemegang-pemegang unit menikmati pulangan daripada pertumbuhan unit-unit amanah berkenaan. Unit-unit ini akan dikreditkan ke dalam akaun para pemegang unit pada 1 September, 2015, iaitu hari pertama bagi tahun kewangan yang berikutnya.

Bagi pemegang unit yang melanggan unit-unit ASW 2020 menerusi Skim Pelaburan Ahli KWSP, pembayaran pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan KWSP yang berkenaan.

Semua urusan niaga bagi tabung ASW 2020 di pejabat-pejabat dan ejen-ejen ASNB telah ditangguhkan mulai 25 Ogos 2015 sehingga 31 Ogos 2015 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan.

Para pemegang unit boleh mengemaskinikan buku pelaburan ASW 2020 masing-masing di pejabat-pejabat atau ejen-ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 September 2015. Penyata pengagihan pendapatan serta laporan tahunan akan dihantar mulai pertengahan bulan Oktober 2015.

ASW 2020 merupakan dana berharga tetap di mana 51% daripada saiz yang dibenarkan dibuka kepada masyarakat Bumiputera manakala 49% dibuka kepada masyarakat bukan Bumiputera. Pelaburan di dalam ASW 2020 dibuka kepada warganegara Malaysia berumur seawal enam bulan ke atas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Aminah Haji Mahadi

Pengurus Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat

●Tel: 03-2050 5445 ● Faks: 03-2050 5268 ● E-mel: aminah_hm@pnb.com.my